

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXVI)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

26. Isu tanah Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam, tanah untuk perkuburan berhadapan Masjid Berapit milik Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).
- (a) Adakah tanah lot ini sudah dijual?
 - (b) Siapakah pembeli tanah ini?
 - (c) Nyatakan dimana tanah Istibdal diganti dan mengapa masih gagal ganti Istibdal?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. Tanah yang menjadi isu adalah Lot 45, Seksyen 2, Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) berkeluasan 0.214 ekar (9321.84 kaki persegi). Lot ini adalah pecahan daripada Lot asal iaitu Lot 55, Seksyen 2, Bukit Mertajam. Lot asal telah terpecah akibat pengambilan balik tanah untuk tujuan pembinaan Jalan Berapit menjadikannya dua (2) Lot berasingan iaitu Lot 44 iaitu tanah perkuburan bersebelahan masjid dan Lot 45. Lot 44 ini merupakan baki kepada bahagian tanah perkuburan yang sedia ada yang sedang digunakan sekarang. Manakala Lot 45 terpisah dengan Jalan Berapit dan tidak digunakan, terbiar dan pernah diceroboh.

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada tahun 2006 telah mula berbincang dengan pihak Jawatankuasa Kariah mengenai kedudukan tanah tersebut (Lot 45) dan disahkan ianya tidak sesuai digunakan sebagai tanah perkuburan berdasarkan kedudukan, saiz,

rupa bentuk tanah dan ketidak sesuaian untuk dijadikan sebagai tanah perkuburan pada masa hadapan. Susulan itu, beberapa kertas cadangan telah dibentangkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri, Mesyuarat Jawatankuasa Aset MAINPP dan Mesyuarat MAINPP bagi maksud mendapatkan pertimbangan untuk melupuskan tanah berkenaan melalui proses istibdal tanah wakaf. Kesemua Mesyuarat Jawatankuasa termasuk Mesyuarat MAINPP telah memberi kelulusan untuk melupuskan tanah Lot 45.

- (a) MAINPP telah menjual tanah Lot 45 Seksyen 2, Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) yang berkeluasan 9,321 kaki persegi. Penjualan tanah tersebut dibuat bagi membolehkan hasil jualan yang diperolehi digunakan untuk melaksanakan proses istibdal (penggantian balik tanah) bagi bahagian tanah yang dijual itu dan menjadikannya sebagai tapak perkuburan seperti tujuan asalnya.
- (b) Tanah tersebut dijual kepada syarikat Seni Wangsa Sdn. Bhd. (sebelumnya dikenali sebagai Pansprint Consolidated Sdn. Bhd.) melalui proses pindah milik tanah pada 13 April 2015.
- (c) Usaha istibdal tanah ini memerlukan penelitian lanjut untuk mendapatkan tanah yang bersesuaian bagi menjadikannya sebagai tanah perkuburan sebagaimana tujuan asal ianya diwakafkan. Pihak MAINPP telah mengenalpasti beberapa lot cadangan untuk istibdal tanah tersebut berdasarkan kepada perbincangan pihak MAINPP bersama Jawatankuasa Kariah pada 11 Mac 2020. Proses istibdal akan segera dilaksanakan apabila tanah yang bersesuaian bagi tujuan tapak perkuburan (sepertimana tujuan asal wakaf) dimuktamadkan.